



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (Pindaan) 1978

DR.22/1978

Naskah sah—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara 1972.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Kemajuan Nama. Pahang Tenggara (Pindaan) 1978.
2. (1) Seksyen 2 Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara 1972 adalah dipinda dengan memotong takrif "Menteri". Pindaan bagi seksyen 2. Akta 68.
 (2) Seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 5hb Mac 1976.
3. (1) Seksyen 5 Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara 1972 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "tiga" dalam perenggan (c) seksyen-kecil (1). Pindaan bagi seksyen 5.
 (2) Seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Oktober 1978.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara 1972 untuk memotong takrif "Menteri" dalam seksyen 2 dan untuk menambah bilangan wakil Kerajaan Persekutuan dalam Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara dari dua kepada tiga.

2. Berikutan dengan penyusunan semula Jumaah Menteri yang berlaku pada 5 haribulan Mac 1976, Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara telah diletakkan, melalui Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan yang dibuat di bawah seksyen 2 Akta Tugas-tugas Menteri 1969, di bawah portfolio Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, tetapi menurut takrif "Menteri" dalam seksyen 2 Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara 1972 Perdana Menteri masih menjadi Menteri yang bertanggungjawab bagi Lembaga. Untuk menghapuskan anomali inilah maka takrif "Menteri" dipotong. Dengan potongan itu sebutan mengenai "Menteri" dalam Akta itu, menjadilah, menurut seksyen 8 (2) Akta Tafsiran 1967, sebutan mengenai Menteri yang mana, sebagaimana ditentukan di bawah Akta Tugas-tugas Menteri 1969, adalah Menteri yang bertanggungjawab bagi Lembaga.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan. [PN. (U²) 895.]